



KETUA PENGARAH
Unit Pemodenan Tadbiran Dan
Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)
Jabatan Perdana Menteri

Aras 6, Blok B2
Kompleks Jabatan Perdana Menteri
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 603-8000 8000
Faks : 603-8888 3163
Portal Rasmi : www.mampu.gov.my
Emel : drmazlan@mampu.gov.my

Ruj. Kami : MAMPU.600-1/3/5 Jld. 4 (4)
Tarikh : 15 Januari 2020

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

MAKLUMAN PEMBATALAN SURAT PEKELILING AM:

SURAT PEKELILING AM BILANGAN 1 TAHUN 1995: PENYEDIAAN LAPORAN RINGKASAN KEDUDUKAN KEWANGAN DAN PRESTASI TAHUNAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN; DAN

SURAT PEKELILING AM BILANGAN 6 TAHUN 2004: PENYEDIAAN LAPORAN RINGKASAN KEDUDUKAN KEWANGAN DAN PRESTASI TAHUNAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN (PINDAAN KEPADA SPA 1 TAHUN 1995)

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Seperti YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan sedia maklum, **Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 1995** dan **Bilangan 6 Tahun 2004** telah menetapkan supaya satu Laporan Ringkasan Kedudukan Kewangan dan Prestasi Tahunan hendaklah disediakan oleh Badan-Badan Berkanun Persekutuan (BBP) sebagai Nota Jemaah Menteri (NJM) untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri (MJM) bagi membolehkan Jemaah Menteri mengetahui secara umum kedudukan kewangan dan prestasi sesuatu badan berkanun itu dengan lebih awal.

BERSAMA-SAMA MELAKSANAKAN TRANSFORMASI



PENGIKTIRAFAN MS ISO 9001:2015 NO SIJIL : 10113624



ISO/IEC 27006:2011
ISMS 02082013 CB 02




Pengiktirafan MS ISO/IEC 27001:2013
NO. SIJIL: 027-ISO49

3. Walau bagaimanapun, selaras dengan langkah meningkatkan keberkesanan urusan MJM, Mesyuarat Ketua Setiausaha Kementerian Dan Ketua Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2019 bertarikh 17 Disember 2019 telah memutuskan bahawa tiada keperluan untuk membentangkan Laporan Ringkasan Kedudukan Kewangan dan Penyata Kewangan dalam MJM setiap awal tahun. Hanya Memorandum mengenai Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan BBP yang telah diaudit perlu dibentangkan dalam MJM selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan PA 3.1 Tahun 2013.

4. Sehubungan ini, **Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 1995 dan Bilangan 6 Tahun 2004** mengenai keperluan pembentangan Laporan Ringkasan Kedudukan Kewangan dan Prestasi Tahunan BBP dalam MJM yang telah dikeluarkan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri adalah **dibatalkan**.

5. Kerjasama YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan dengan hormatnya adalah dipohon untuk mengambil perhatian akan keputusan pembatalan pekeliling tersebut.

Sekian, terima kasih.



“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' DR. MAZLAN YUSOFF)

Salinan kepada:

YBhg. Datuk Seri Mohd Zuki Bin Ali
Ketua Setiausaha Negara
Aras 4, Blok Timur
Bangunan Perdana Putra
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA